

## PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI (PPQ)

**NAMA DOKUMEN** : GARIS PANDUAN PROGRAM KERJASAMA SECARA  
FRANCAIS UNIVERSITI AWAM DENGAN INSTITUSI  
PENDIDIKAN TINGGI DALAM NEGARA DAN LUAR  
NEGARA (EDISI 2021)


**NOMBOR RUJUKAN** : JPT(A)1000/016/018/18 Jld. 4 (24)

**EDISI** : 2021

**TARIKH KUATKUASA** : 01 OGOS 2021

**DILULUSKAN**

Tandatangan :



Nama: Prof. Madya Dr. Noor Hasmini binti Hj Abd Ghani

Jawatan: Pengarah PPQ

Tarikh: 08 Ogos 2021



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION

Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department Of Higher Education  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706439  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT(A)1000/016/018/18 Jld. 4 ( 24 )

Tarikh : 30 Julai 2021

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof.,

### **GARIS PANDUAN PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS UNIVERSITI AWAM DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DALAM NEGARA DAN LUAR NEGARA (EDISI 2021)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof., Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mengemaskini garis panduan melaksanakan program kerjasama secara francais antara Universiti Awam (UA) dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di dalam negara dan luar negara. Garis panduan baharu ini bertujuan memberi makluman dan panduan terkini kepada UA berkaitan peraturan, syarat dan prosedur melaksanakan kerjasama program secara francais sama ada dengan IPT Swasta (IPTS), IPT lain dalam negara serta IPT luar negara.

3. Sehubungan itu, selaras kelulusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil.2/2021 pada 13 Julai 2021, bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Program Kerjasama Secara Francais Universiti Awam dengan Institusi Pendidikan Tinggi Dalam Negara dan Luar Negara (Edisi 2021) untuk rujukan dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. jua.

4. Garis panduan ini berkuat kuasa bermula pada **1 Ogos 2021**. Selaras dengan itu, Garis Panduan Program Kerjasama UA-IPTS (1999) sedia ada adalah dibatalkan.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof., berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“ PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DATO' DR. HUSAINI B. OMAR)**

s.k.

1. Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
2. Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi
3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
(Akademik dan Pembangunan)  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi

4. Pengarah  
Bahagian Kecemerlangan Akademik  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi
5. Pengarah  
Bahagian Governan Swasta  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi
6. Pengarah  
Bahagian Standard Swasta  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi

## **SENARAI EDARAN UNIVERSITI AWAM:**

### **1. YBHG. DATO' PROF. IR. DR. MOHD HAMDI ABD SHUKOR**

Naib Canselor

Universiti Malaya

Bangunan Naib Canselor

Universiti Malaya

**50603 KUALA LUMPUR**

No. Tel. : 03-7967 3213 / 03-7967 3510

No. Faks : 03-7954 7551

E-mel : vc@um.edu.my / hamdi@um.edu.my

E-mel S/U : zaitunm@um.edu.my

### **2. YBRS. PROF. DR. FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN**

Naib Canselor

Universiti Sains Malaysia

Aras 6, Bangunan Canselori

**11800 PULAU PINANG**

No. Tel. : 04-653 3101

No. Faks : 04-656 5401

E-mel : vc@usm.my

E-mel S/U : rodhiyah@usm.my

### **3. YBHG. PROF. DATO' DR. MOHD EKHWAN BIN TORIMAN**

Naib Canselor

Universiti Kebangsaan Malaysia

Aras 6, Bangunan Canselori

43600 Bangi

**SELANGOR**

No. Tel. : 03-8921 5001

No. Faks : 03-8921 4242

E-mel : ncukm@ukm.edu.my

E-mel S/U : suncukm@ukm.edu.my / teem67@ukm.edu.my

**4. YBRS. PROF. DR. MOHD ROSLAN BIN SULAIMAN**

Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang

**SELANGOR**

No. Tel. : 03-9769 6001 / 6002

No. Faks : 03-9769 2016

E-mel : vc@upm.edu.my

E-mel S/U : watty@upm.edu.my

**5. YBHG. DATUK PROF. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL**

Naib Canselor

Universiti Teknologi Malaysia

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim

81310 UTM Johor Bahru

**JOHOR**

No. Tel. : 07-553 0001 / 07-557 5960

No. Faks : 07-557 9376

E-mel : afauzi@utm.my

E-mel S/U : panc@utm.my

**6. YBHG. TAN SRI DATO' PROF. EMERITUS DZULKIFLI ABDUL RAZAK**

Rektor

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Aras 4, Bangunan Rektor, Kampus Gombak

**53100 SELANGOR**

No. Tel. : 03-6421 4002

No. Faks : 03-6196 4858 / 4005

E-mel : dzulrazak@iiium.edu.my / dzulrazak51@gmail.com

E-mel S/U : azizaha@iiium.edu.my

**7. YBHG. DATO' PROF. DR. AHMAD BASHAWIR ABDUL GHANI**

Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
Aras 5, Bangunan Canselori  
06010 Sintok

**KEDAH**

No. Tel. : 04-928 3001  
No. Faks : 04-928 3005  
E-mel : bashawir@uum.edu.my / vc@uum.edu.my  
E-mel S/U : kyairulnisya@uum.edu.my

**8. YBHG. DATUK PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak  
Penthouse, Bangunan CAUH Kampus Barat  
94300 Kota Samarahan

**SARAWAK**

No. Tel. : 082-581 112 / 1047  
No. Faks : 082-665 111  
E-mel : kadim@unimas.my  
E-mel S/U : irene@unimas.my

**9. YBHG. DATUK PROF. DR. TAUFIQ YAP YUN HIN**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah  
Aras 6, Bangunan Canselori, Blok Selatan  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu

**SABAH**

No. Tel. : 088-320 203  
No. Faks : 088-320 217  
E-mel : ncums@ums.edu.my  
E-mel S/U : pavcums@ums.edu.my / badrah@ums.edu.my

**10. YBHG. DATO' PROF. DR. MD AMIN MD TAFF**

Naib Canselor

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim

**PERAK**

No. Tel. : 05-459 6200 /6546

No. Faks : 05-458 2773

E-mel : md.amin@fsskj.upsi.edu.my

E-mel S/U : ila@upsi.edu.my

**11. YBRS. PROF. DR. MOHAMED RIDZA BIN WAHIDDIN**

Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai

**NEGERI SEMBILAN**

No. Tel. : 06-798 8013

No. Faks : 06-794 1143

E-mel : nc@usim.edu.my

E-mel S/U : su.nc@usim.edu.my /

noorashikinmusbah@usim.edu.my

**12. YBRS. PROF. DR. ROZIAH MOHD JANOR**

Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

**SELANGOR**

No. Tel. : 03-5544 2222

No. Faks : 03-5544 2030

E-mel : roziahmj@salam.uitm.edu.my

E-mel S/U : nurayuni@uitm.edu.my

- 13. YBRS. PROF. DR. MAZLAN ABD. GHAFAR**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**  
No. Tel. : 09-668 4102 (PA) /  
09-668 4108 / 5083 (Pejabat Am)  
No. Faks : 09-669 7418  
E-mel :  
E-mel S/U : adilla@umt.edu.my
- 14. YBHG. DATUK PROF. TS. DR. WAHID RAZZALY**  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja  
Batu Pahat  
**JOHOR**  
No. Tel. : 07-453 7005  
No. Faks : 07-453 6010  
E-mel : nc@uthm.edu.my  
E-mel S/U : lieynn@uthm.edu.my
- 15. YBHG. DATUK WIRA PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM**  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
**MELAKA**  
No. Tel. : 06-270 1011  
No. Faks : 06-270 1021  
E-mel : raha@utem.edu.my  
E-mel S/U : nuraida@utem.edu.my

**16. YBRS. PROF. IR. DR. WAN AZHAR WAN YUSOFF**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Aras 3, Canseleri Tun Abdul Razak  
26600 Pekan

**PAHANG**

No. Tel. : 09-424 5002 / 5060  
No. Faks : 09-424 5555  
E-mel : nc@ump.edu.my  
E-mel S/U : su\_nc@ump.edu.my

**17. YBRS. PROF. IR. TS. DR. MOHD RIZAL BIN ARSHAD**

Menjalankan Fungsi Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis  
Tingkat 11, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi  
01000 Kangar

**PERLIS**

No. Tel. : 04-979 8000  
No. Faks : 04-977 8011 / 8422  
E-mel : vc@unimap.edu.my  
E-mel S/U : pa\_nc@unimap.edu.my / noriah@unimap.edu.my

**18. YBHG. DATO' PROF. DR. HASSAN BASRI AWANG MAT DAHAN**

Naib Canselor  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu

**TERENGGANU**

No. Tel. : 09-668 8890 / 8891  
No. Faks : 09-668 7887  
E-mel : vc@unisza.edu.my / hasbri@unisza.edu.my /  
hasbri62@gmail.com  
E-mel S/U : rohayuismail@unisza.edu.my /  
ayuisibu80@gmail.com

**19. YBHG. DATO' PROF. TS. DR. NOOR AZIZI ISMAIL**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
Kampus Bachok  
16300 Bachok

**KELANTAN**

No. Tel. : 09-779 7700  
No. Faks : 09-779 7012  
E-mel : noorazizi@umk.edu.my  
E-mel S/U : izura@umk.edu.my

**20. YBHG. LT JEN DATO' HASAGAYA BIN ABDULLAH**

Naib Canselor  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
57000 Kem Sungai Besi

**KUALA LUMPUR**

No. Tel. : 03-9051 3457  
No. Faks : 03-9057 4361  
E-mel : nc@upnm.edu.my  
E-mel S/U : sh.fasha@upnm.edu.my

# **GARIS PANDUAN PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS UNIVERSITI AWAM DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DALAM NEGARA DAN LUAR NEGARA (Edisi 2021)**

---

## **TUJUAN**

1. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk:
  - 1.1 Memaklumkan kepada Universiti Awam (UA) syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk menjalankan program kerjasama secara francais (franchise) dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara dan luar negara; dan
  - 1.2 Memberi panduan kepada UA bagi menyediakan dan mengemukakan permohonan pengendalian program kerjasama secara francais dengan IPT dalam negara dan luar negara untuk mendapatkan kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

## **TAFSIRAN**

2. Bagi maksud garis panduan ini:
  - 2.1 Program kerjasama Secara Francais

Merupakan suatu aktiviti yang melibatkan penawaran hak kepada francais (franchisee) oleh francais (franchisor) untuk memasarkan produk atau perkhidmatan pendidikan melalui peraturan, garis panduan dan yuran royalti sebagaimana yang dipersetujui secara bersama melalui *Memorandum of Agreement (MoA)*.

Program kerjasama secara francais antara UA dan IPT dalam negara dan luar negara merupakan suatu kaedah yang membenarkan IPT lain menawarkan program pengajian milik UA yang boleh dikendalikan di premis yang dipersetujui dalam MoA.

## 2.2 Francaisor

UA sebagai institusi pemilik dan pengawal hak produk atau perkhidmatan pendidikan yang menawarkan francais kepada francais yang berpotensi.

## 2.3 Francaisi

IPT dalam dan luar negara yang menerima tawaran untuk memasarkan produk atau perkhidmatan pendidikan daripada UA.

## 2.4 IPT Dalam Negara

Merujuk kepada Institusi Pendidikan Tinggi yang ditubuhkan dan berdaftar di bawah mana-mana Akta di Malaysia.

## 2.5 IPT Luar Negara

Merujuk kepada IPT yang diiktiraf oleh badan berautoriti di negara berkaitan.

## **PERATURAN AM**

3. Garis panduan ini hendaklah dirujuk oleh semua UA dan hanya terpakai bagi pelaksanaan program kerjasama secara francais antara UA dengan mana-mana IPT di dalam negara dan luar negara;
4. UA perlu mengemukakan permohonan kelulusan menjalankan program kerjasama kepada KPT berdasarkan format yang ditetapkan dan memastikan IPT francais mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara (Provisional Accreditation, PA) kepada MQA iaitu terpakai kepada IPT francais dalam negara sahaja.
5. Program pengajian UA yang hendak dilaksanakan secara kerjasama perlu diluluskan oleh Senat dan Lembaga Pengarah/ Gabenor UA sebelum permohonan kelulusan dikemukakan kepada KPT.

6. Program kerjasama UA dengan IPT dalam negara dan luar negara hendaklah melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT).
7. Bagi kerjasama dengan IPTS, pengendalian program kerjasama juga adalah tertakluk kepada kelulusan mengendalikan program pengajian di bawah Seksyen 38, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

## **SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN**

### **A. Institusi**

8. Program kerjasama adalah dibenarkan bagi UA yang mendapat minimum *Tier 4* dalam penarafan SETARA atau pengiktirafan yang setara dengannya berdasarkan sistem penilaian dan penarafan terkini yang sedang berkuat kuasa semasa permohonan.
9. Kategori IPT yang boleh mengendalikan program kerjasama secara francais bersama UA adalah:

#### 9.1 IPT Dalam Negara

- i. IPTS bertaraf kolej yang mempunyai kelulusan penubuhan dan pendaftaran di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] dan mendapat minimum 5 Bintang dalam penarafan MyQUEST atau pengiktirafan yang setara; atau
- ii. IPT lain yang mempunyai kelulusan penubuhan dan pendaftaran di bawah mana-mana Akta di Malaysia.

(Namun demikian, kerjasama dengan IPTS adalah tertakluk kepada syarat institusi yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar IPTS dalam Dasar Kerjasama IPTS yang sedang berkuat kuasa).

## 9.2 IPT Luar Negara

Kerjasama dengan institusi luar negara yang berdaftar dan diperakukan oleh badan berkuasa atau kerajaan negara berkaitan serta mendapat perakuan akreditasi daripada badan jaminan kualiti yang bertanggungjawab.

Kerjasama juga boleh dijalankan dengan institusi luar negara di bawah badan yang telah menandatangani comparability dengan MQA dan mendapat pengiktirafan serta perakuan akreditasi daripada badan berkuasa atau badan jaminan kualiti atau kerajaan negara berkaitan.

### B. Program

10. Peringkat program pengajian dan tahap kelayakan pada *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) yang dibenarkan untuk dikendalikan melalui kerjasama secara francais adalah merangkumi **SEMUA** tahap kelayakan dalam MQF termasuk Program Asasi atau setara.

(Namun demikian, kerjasama dengan IPTS adalah tertakluk kepada tahap pengajian yang dibenarkan oleh Ketua Pendaftar IPTS dalam Dasar Kerjasama IPTS yang sedang berkuat kuasa).

11. Program kerjasama digalakkan daripada bidang baharu atau bidang yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi berasaskan *Sustainable Development Goals* (SDG) yang ditetapkan oleh kerajaan.
12. Program pengajian UA yang ingin dikendalikan secara kerjasama di premis IPT dalam negara dan luar negara mesti merupakan program pengajian yang telah mematuhi standard dan program standard terkini, mendapat perakuan akreditasi penuh MQA dan disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR).

13. UA perlu melaksanakan validasi ke atas program kerjasama secara francais yang akan dikendalikan oleh IPT dalam negara dan luar negara sebelum UA mengemukakan permohonan kelulusan kepada KPT. Validasi program perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

13.1 Sumber Pendidikan

UA perlu memastikan IPT francais mempunyai premis fizikal yang dilengkapi dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mencukupi dan bersesuaian dengan program yang dikendalikan.

13.2 Tenaga Pengajar

UA perlu memastikan IPT francais menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi dan memenuhi kelayakan yang bersesuaian mengikut bidang program pengajian.

13.3 Kedudukan Kewangan dan Perancangan

UA bertanggungjawab memastikan:

- i. IPT francais mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh dan lestari bagi membolehkan perjanjian kerjasama berterusan untuk jangka masa yang panjang; dan
- ii. IPT francais mempunyai pelan perniagaan yang jelas dan menunjukkan perancangan 3 tahun yang teratur dalam penyusunan aktiviti akademik dan pembinaan infrastruktur.

**C. Pengambilan dan Pendaftaran Pelajar**

14. Bagi melaksanakan Program Kerjasama ini, UA hendaklah memastikan IPT francais mematuhi syarat-syarat pengambilan dan pendaftaran pelajar berikut:

#### 14.1 Syarat Kemasukan

Syarat kelayakan masuk pelajar program kerjasama mestilah sama dengan syarat kelayakan masuk pelajar UA atau lain-lain kelayakan setara yang ditetapkan oleh UA.

#### 14.2 Pengiklanan

IPT francais boleh mengeluarkan iklan penawaran program dan pengambilan pelajar setelah mendapat persetujuan daripada UA dan badan berautoriti masing-masing di dalam negara atau di luar negara yang berkaitan.

Dalam konteks ini, pengiklanan oleh IPTS boleh dibuat setelah institusi mendapat kelulusan pengendalian program di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] daripada KPT.

#### 14.3 Pengambilan

- i. IPT francais melaksanakan urusan pemilihan dan pengambilan pelajar berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh UA;
- ii. Surat tawaran kepada pelajar dikeluarkan oleh UA;
- iii. Pengambilan pelajar kohort pertama boleh dibuat setelah IPT francais mendapat kelulusan dari badan berautoriti masing-masing di dalam negara atau di luar negara yang berkaitan; dan
- iv. IPT francais dalam negara tidak dibenarkan untuk mengambil pelajar baharu sekiranya akreditasi penuh bagi kursus pengajian tersebut dibatalkan bermula dari tarikh pembatalan akreditasi penuh.

Dalam konteks ini, pengambilan oleh IPTS boleh dibuat setelah institusi mendapat kelulusan pengendalian program di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] daripada KPT.

#### 14.4 Pendaftaran Pelajar

- i. Hal ehwal pentadbiran rekod kemasukan, pendaftaran program dan mata pelajaran diuruskan oleh IPT francais selaras dengan peraturan UA; dan
- ii. Status pelajar yang mengikuti pengajian di bawah program kerjasama adalah direkodkan sebagai pelajar IPT francais.

#### **D. Sistem Akademik**

15. Sistem akademik di IPT francais perlu berasaskan kepada sistem semester di UA.
16. Peraturan akademik dan peraturan peperiksaan perlu berasaskan kepada peraturan yang ditetapkan di UA.
17. Sistem Penilaian :

##### 17.1 Penilaian

Pencapaian akademik pelajar dinilai pada setiap semester dengan mengikut kaedah penilaian kerja kursus dan/ atau peperiksaan yang telah ditetapkan.

##### 17.2 Kerja Kursus

Kerja kursus seperti tugas, kuiz, ujian, amali / studio, dan kerja lapangan yang dikendalikan oleh IPT francais dengan pemantauan UA.

##### 17.3 Peperiksaan Akhir (sekiranya ada)

Pengelolaan peperiksaan akhir termasuk penyediaan soalan, pemeriksaan kertas soalan (vetting) dan percetakan adalah di bawah tanggungjawab UA.

#### 17.4 Keputusan Akademik

Keputusan pencapaian akademik pelajar bagi setiap semester hendaklah diproses dan disahkan oleh Senat UA. Manakala, urusan pemakluman keputusan peperiksaan kepada pelajar adalah di bawah tanggungjawab IPT francais.

#### 18. Struktur kurikulum dan silibus:

- 18.1 Struktur kurikulum dan silibus yang digunakan perlu selaras dengan pelaksanaan di UA.
- 18.2 UA perlu memaklumkan IPT francais sekiranya berlaku perubahan pada struktur kurikulum dan silibus. Ia bagi memastikan keselarasan dalam pengendalian dan menjamin kualiti program agar tidak menjejaskan akreditasi program.

#### **E. Penganugerahan Sijil**

#### 19. Syarat penganugerahan dan penyampaian sijil akademik program kerjasama:

- 19.1 Penganugerahan sijil akademik merupakan hak Senat UA;
- 19.2 Skrol dan transkrip akademik adalah dikeluarkan oleh UA; dan
- 19.3 Majlis penyampaian skrol ditentukan dengan persetujuan bersama oleh UA dan IPT francais.

#### **F. Yuran**

- 20. Yuran pengajian pelajar bagi program kerjasama adalah ditetapkan oleh IPT francais. Namun UA boleh mencadangkan kadar minimum yuran pengajian yang berpatutan.

#### **G. Kawalan Kualiti**

- 21. UA perlu mempunyai sistem pemantauan dan pengawalseliaan pengendalian program kerjasama di IPT dalam negara dan luar negara.

22. UA bertanggungjawab memantau dan mengawal kualiti program kerjasama secara francais berpandukan manual piawai prosedur operasi yang dibangunkan. Kawalan kualiti program perlu meliputi perkara berikut:

#### 22.1 Skim Peningkatan Kompetensi

IPT francais perlu membangunkan Skim Peningkatan Kompetensi bagi tenaga pengajar dan Program Pembangunan Tenaga Manusia kepada semua kakitangan termasuk bukan tenaga pengajar.

#### 22.2 Program Penyelarasan Pengajaran dan Pembelajaran

UA bertanggungjawab melaksanakan program penyelarasan PdP kepada tenaga pengajar IPT francais.

#### 22.3 Kemudahan Infrastruktur

UA perlu memastikan IPT francais menyediakan kemudahan PdP seperti yang diperlukan dalam pengendalian program.

Kemudahan seperti makmal, komputer, perpustakaan, bilik kuliah dan perbincangan, serta peralatan mengajar perlu diurus dengan baik agar dapat menampung keperluan dan keselesaan pelajar bagi kegunaan harian.

### **H. Perjanjian Kerjasama**

23. UA dan IPT francais perlu menandatangani dokumen perjanjian persetujuan atau MoA bagi membolehkan IPT francais menjalankan program pengajian UA. UA perlu memastikan MoA yang ditandatangani mengikut templat Jabatan Peguam Negara seperti yang digariskan dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 5 Tahun 2008 Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan Penurunan Kuasa Menteri Pengajian Tinggi kepada Lembaga Pengarah Universiti Berhubung Kelulusan Sesuatu Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian atau mana-mana pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

24. Dokumen MoA perlu menyatakan tempoh kerjasama yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Tempoh perjanjian kerjasama adalah **minimum 5 tahun** atau sehingga kohort terakhir pelajar bergraduat. Namun, bagi perjanjian kerjasama UA dengan IPTS, tempoh perjanjian perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar dalam Dasar Kerjasama IPTS yang sedang berkuat kuasa.
25. Sekiranya kedua-dua pihak bercadang untuk menyambung perjanjian program kerjasama, pembaharuan kelulusan perlu dikemukakan semula kepada KPT sekurang-kurangnya **enam bulan** sebelum tempoh perjanjian tamat.
26. UA berhak menamatkan perjanjian kerjasama sekiranya IPT francais gagal memenuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam MoA.
27. Sekiranya program kerjasama menghadapi isu yang menyebabkan pengajian pelajar terjejas, UA dan IPT francais bertanggungjawab untuk memastikan kebajikan dan kelangsungan pengajian pelajar di IPT francais sehingga pelajar tamat pengajian.
28. Komponen *exit strategy* dalam MoA perlu menyatakan polisi *teach out* dengan jelas agar kebajikan dan hak pelajar terpelihara sekiranya perjanjian kerjasama ditamatkan lebih awal.
29. Kos royalti dan kos perkhidmatan kepada IPT francais perlu berpatutan, dipersetujui bersama dan dinyatakan dengan jelas dalam dokumen MoA.
30. UA boleh menetapkan apa-apa syarat tambahan yang munasabah semasa memuktamadkan perjanjian kerjasama dengan IPT francais demi kepentingan kualiti perkhidmatan pendidikan tinggi.
31. Dalam keadaan tertentu, KPT boleh menasihati UA dan IPT francais sekiranya terdapat isu berkaitan pelaksanaan program kerjasama bagi menjaga hak dan kebajikan pelajar di samping memberi manfaat kepada semua pihak.

## KUAT KUASA

32. Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2021** dan terpakai kepada semua UA serta pihak yang berkepentingan.
33. Garis panduan ini perlu dibaca bersekali dengan arahan dan ketetapan Kementerian ini seperti berikut:
  - 33.1 Buku Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam (Edisi Kedua) (2018);
  - 33.2 Pekeliling PPTSJPT Bil.2/2017: Pengemaskinian Dasar Kerjasama Kursus Pengajian di IPTS (2017);
  - 33.3 Pekeliling MQA Bil.4/2017: Dasar Jaminan Kualiti Program Pengajian Luar Negara yang Ditawarkan Secara Kerjasama dengan PPT Tempatan (2017);
  - 33.4 Surat Pekeliling Pengemaskinian Butiran Dasar Pekeliling PPTS, JPT KPT Bil.2/2017: Pengemaskinian Dasar Kerjasama Kursus Pengajian di IPTS (2019); dan
  - 33.5 Arahan atau ketetapan lain berkaitan yang dikeluarkan oleh KPT dan MQA dari semasa ke semasa.
34. UA boleh mengemukakan permohonan kelulusan program kerjasama secara francais dengan IPT dalam dan luar negara dengan mengemukakan maklumat lengkap berdasarkan prosedur dan dokumen permohonan seperti berikut:
  - 34.1 **Lampiran 1:** Proses Kelulusan Program Kerjasama Secara Francais dengan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dalam Negara.
  - 34.2 **Lampiran 2:** Proses Kelulusan Program Kerjasama Secara Francais dengan Institusi Pendidikan Tinggi Dalam Negara Selain IPTS dan IPT Luar Negara
  - 34.3 **Dokumen A1:** Borang Permohonan Program Kerjasama Secara Francais UA dengan IPTS Dalam Negara.

- 34.4 **Dokumen A2:** Kertas Kerja Permohonan Program Kerjasama UA dengan IPT Dalam Negara Selain IPTS dan IPT Luar Negara.
- 34.5 **Dokumen B1:** Senarai Semak Permohonan Program Kerjasama Secara Francais UA dengan IPTS Dalam Negara.
- 34.6 **Dokumen B2:** Senarai Semak Permohonan Program Kerjasama UA dengan IPT Dalam Negara Selain IPTS dan IPT Luar Negara.

35. Permohonan kelulusan perlu dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 9, No.2 Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5,  
62200 W.P. Putrajaya  
(u.p: Pengarah, Bahagian Kecemerlangan Akademik)


**Bahagian Kecemerlangan Akademik  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
30 Julai 2021**

**LAMPIRAN**


**GARIS PANDUAN PROGRAM KERJASAMA SECARA**  
**FRANCAIS UNIVERSITI AWAM DENGAN INSTITUSI**  
**PENDIDIKAN TINGGI DALAM NEGARA DAN LUAR**  
**NEGARA (Edisi 2021)**

## LAMPIRAN 1


### PROSES KELULUSAN PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS UA DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) DALAM NEGARA



Jika kerjasama UA dan  
IPTS **DILULUSKAN**



**PROSES KELULUSAN PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS UA  
DENGAN IPT DALAM NEGARA SELAIN IPTS DAN IPT LUAR  
NEGARA**



**BORANG PERMOHONAN PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS  
UA DENGAN IPTS DALAM NEGARA**

*(Format ini dan **Lampiran A** hendaklah dilengkapkan oleh UA bagi setiap program  
kerjasama dengan setiap IPTS)*

**Bahagian I : Maklumat UA**

1. Nama Universiti :

---

2. Rakan Kerjasama :

---

3. Ringkasan Program Kerjasama :

Sistem kawalan kualiti ke atas :

i. Pengambilan Pelajar :

---

---

---

---

---

---

ii. Pengambilan Tenaga Pengajar IPTS :

---

---

---

---

---

---

iii. Kurikulum Program Kerjasama :

---

---

---

---

---

---

iv. Pengendalian Penilaian Program :

---

---

---

---

---

---

---

v. Impak Program Kerjasama

---

---

---

---

---

---

---

**Bahagian II : Maklumat IPTS**

1. Nama Institusi :

---

2. Tarikh penubuhan :

---

3. Tempoh pendaftaran:

---

4. Alamat Institusi :

---

---

---

---

5. Hakmilik Institusi :

a) Nama dan Alamat Syarikat

---

---

---

---

b) Jenis modal :

- i) Modal yang dibayar : \_\_\_\_\_
- ii) Modal berbayar : \_\_\_\_\_

c) Ekuiti dan Peratusan

<b>Ekuiti</b>	<b>Peratus</b>
Ekuiti Bumiputera	
Ekuiti Bukan Bumiputera	
Ekuiti Asing	

6. Pemegang-Pemegang Saham :

<b>Pemegang Saham</b>	<b>Warganegara</b>	<b>Peratus</b>	<b>Nilai Saham</b>

7. Pengerusi dan Keahlian Lembaga Pengarah Syarikat :

<b>Nama</b>	<b>Warganegara</b>	<b>Profesion</b>

8. Maklumat Ketua Eksekutif :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Warganegara :

Kelulusan Akademik & Profesional :

Pengalaman dalam bidang pendidikan :

9. Unjuran pengambilan pelajar (*Sila nyatakan perancangan pengambilan, enrolmen dan keluaran pelajar mengikut tahun – seperti di **Lampiran B***)

10. Tenaga Pengajar (*Sila senaraikan nama, kelayakan dan taraf jawatan tenaga pengajar seperti di **Lampiran C***)



**DOKUMEN A1: Lampiran B**

**UNJURAN PENGAMBILAN, ENROLMEN DAN KELUARAN PELAJAR BAGI PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS  
UA DENGAN IPTS DALAM NEGARA**

**NAMA IPTS :** \_\_\_\_\_

BIL	Nama Program	20....			20....			20....			20....		
		I	E	O	I	E	O	I	E	O	I	E	O

**I – Intake  
E – Enrolment  
O – Output**



**KERTAS KERJA PERMOHONAN PROGRAM KERJASAMA  
SECARA FRANCAIS UA DENGAN IPT DALAM NEGARA SELAIN  
IPTS DAN IPT LUAR NEGARA**

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	<b>NAMA UNIVERSITI</b>	Nama UA
2.	<b>BUTIRAN INSTITUSI KERJASAMA</b>	Nama Institusi Taraf Institusi (Awam/Swasta) Alamat Nama badan akreditasi/badan berauthoriti <i>Ranking</i> Antarabangsa
3.	<b>BUTIRAN PROGRAM YANG DICADANGKAN</b>	Nama (Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris) Bidang <i>National Education Code (NEC)</i> Kaedah Penyampaian (Konvensional/ODL) Mod penawaran program Tahap program Tempoh program Kredit bergraduat Lokasi penawaran program Sesi penawaran Unjuran pengambilan pelajar Syarat kelayakan masuk Yuran Pengajian

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>BUTIRAN</b>
4.	<b>JUSTIFIKASI MENGADAKAN KERJASAMA</b>	Justifikasi perlu menyokong visi, misi dan bidang tujahan UA
5.	<b>TERMA PERJANJIAN</b>	Terma rujukan – sila lampirkan perjanjian (MoA)  Tempoh Perjanjian  Model kewangan
6.	<b>IMPAK KERJASAMA</b>	Jelaskan Impak Program Kerjasama dari segi: i. Enrolmen pelajar  ii. Yuran pengajian (Warganegara dan Bukan Warganegara)  iii. Sumber manusia  iv. Kebolehpasaran graduan  v. Kepentingan negara  vi. Lain-lain
9.	<b>PENGANUGERAHAN</b>	Nama Institusi penganugerah
10.	<b>TARIKH CADANGAN MULA PELAKSANAAN</b>	Nyatakan semester dan sesi pengajian program akademik akan dimulakan
11.	<b>KELULUSAN</b>	i. Kelulusan asal program oleh JKPT ii. Senat iii. LPU/LGU

**DOKUMEN B1**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS  
UNIVERSITI AWAM DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)  
DALAM NEGARA**

Universiti Awam : \_\_\_\_\_  
IPT S : \_\_\_\_\_  
Nama Program : \_\_\_\_\_

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tandakan ( / )</b>
1.	Surat permohonan kepada JPT bagi menjalankan program kerjasama secara francais dengan IPTS dalam negara yang ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa	
2.	Dokumen A1: Borang permohonan program kerjasama secara francais UA dan IPTS dalam negara	
3.	Salinan kelulusan Senat	
4.	Salinan kelulusan LPU	
5.	Salinan Kelulusan Akreditasi Program	
6.	Salinan MoA	
7.	Salinan surat <b>kelulusan asal program</b> oleh JKPT	

DOKUMEN B2

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PROGRAM KERJASAMA SECARA FRANCAIS  
UA DENGAN IPT DALAM NEGARA SELAIN IPTS DAN IPT LUAR NEGARA**

Universiti Awam : \_\_\_\_\_  
IPT Francaisi : \_\_\_\_\_  
Nama Program : \_\_\_\_\_

Bil.	Perkara	Tandakan ( / )
1.	Surat permohonan kepada JPT bagi menjalankan program kerjasama secara francais dengan IPT Dalam Negara dan Luar Negara (Selain IPTS) yang ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa	
2.	Dokumen A2: Kertas Kerja Permohonan Program Kerjasama Secara Francais UA dengan IPT Dalam Negara Dan Luar Negara (Selain IPTS)	
3.	Salinan kelulusan Senat	
4.	Salinan kelulusan LPU	
5.	Salinan Kelulusan Akreditasi Program	
6.	Salinan MoA	
7.	Salinan surat <b>kelulusan asal program</b> oleh JKPT	